

USIM perluas aktiviti di Jogjakarta

SEREMBAN 10 Jun - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperhebatkan aktiviti khidmat masyarakat menerusi penganjuran Misi Kembara Ilmiah dan Kesukarelawan USIM ke Jogjakarta, Indonesia, baru-baru ini.

Program yang dijalankan menerusi Global Islamic Student Outreach (GISO) itu bertujuan menghulurkan sumbangan tenaga, ilmu serta melaksanakan aktiviti kesukarelawan kepada semua lapisan masyarakat Islam yang memerlukan.

Misi bantuan itu disertai oleh Urusetia Perlindungan Perubatan Pelajar (U3P) serta kakitangan Unit Kesihatan USIM dan penuntut Tahun Tiga, Fakulti Kedokteran, Universitas Muhammadiyah (UMY), Jogjakarta.

Kembara itu membuka peluang kepada peserta menyumbang khidmat bakti selain menjayakan misi bantuan perubatan kepada anak-anak Panti Asuhan, Prambanan, Jogjarkata.

Menurut Ketua Unit Kesihatan USIM, Dr Nik Mohd Shafikuddin, objektif misi tersebut adalah bagi memberi kesedaran kepada anak-anak di Panti Asuhan tentang kepentingan menjaga kesihatan.

"Di samping itu, pemeriksaan kesihatan bagi mengenalpasti masalah kesihatan dan pemberian ubat-ubatan antara aktiviti yang dijalankan.

"Memandangkan Jogjakarta terletak jauh dari bandar, kemudahan dan perkhidmatan adalah amat rendah dan sukar di perolehi. Maka objektif program adalah bertepatan bagi membantu mereka yang memerlukan," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam program tersebut, peserta kembara turut menyampaikan sumbangan berbentuk bahan mentah seperti beras, gula dan minyak masak serta 10 naskhah al-Quran sumbangan Iman Publication.